

Negara Islam: PM ulangi cabaran terhadap Pas

UM 22 JUL 2001

KUALA LUMPUR 21 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengulangi cabarannya kepada Pas supaya menyatakan secara bertulis mengenai rancangan parti itu menubuhkan negara Islam.

Beliau berkata, langkah itu akan membolehkan rakyat memahami interpretasi Pas mengenai sebuah negara Islam.

"Mereka patut tulis dalam bahasa Cina dan Tamil juga supaya bukan orang Melayu memahami konsep negara Islam yang hendak ditubuhkan itu.

"Jadi semua orang akan dapat menilai versi mereka (Pas) mengenai sebuah negara Islam," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Proton Juara, model terbaru pembuat kereta nasional Proton, di dataran Menara Berkembar Petronas (KLCC) di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai tindakan para pemimpin Pas meraih sokongan daripada kenyataan-kenyataan mereka mengenai hasrat parti itu menubuhkan sebuah negara Islam.

Menurut Dr. Mahathir, sepanjang pengetahuannya Malaysia telah pun menjadi negara Islam kerana selain menganggotai Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), ia juga diiktiraf sebagai model kepada negara Islam lain.

"Negara Islam bukanlah sebuah negara yang eksklusif untuk umat Islam sahaja kerana orang bukan Islam juga boleh tinggal di dalamnya dan kita perlu melayani mereka dengan adil dan saksama. Inilah yang kita lakukan di Malaysia," katanya.

Beliau turut diminta me-

ngulas kebimbangan orang bukan Islam terhadap rancangan pembentukan negara Islam oleh Pas yang turut mendapat tentangan rakan pakatan pembangkangnya, DAP.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak boleh merasa bimbang tentang sesuatu yang tidak diketahui pokok pangkalnya.

Justeru beliau menasihati orang bukan Islam di negara ini supaya bertanya kepada Pas apakah ciri-ciri negara Islam yang mereka rancangan.

"Dia (Pas) kata UMNO tak Islamik sebab ada Mahkamah Sivil. Mereka kata patut hanya ada Mahkamah Syariah.

"Jadi tolong tulis sekarang dan nyatakan dengan lantang bahawa negara Islam yang dibayangkan oleh Pas akan hanya mempunyai Mahkamah Syariah. Tidak ada Mahkamah Sivil

kerana hanya undang-undang Syariah yang akan dikuatkuasakan apabila Pas berkuasa," katanya.

Dr. Mahathir berpendapat Pas perlu menyatakan perkara itu dengan jelas dan lantang, bukannya berdolak-dalik dengan mengatakan yang mereka hanya akan berbuat demikian selepas berkuasa.

Mengenai dakwaan Pas bahawa parti itu berjaya melaksanakan peraturan mengikut cara Islam di Kelantan dan Terengganu, Perdana Menteri berkata:

"Itu tak cukup sebab di Kelantan dan Terengganu, kebanyakan rakyatnya adalah orang Melayu," katanya.

Perdana Menteri berpendapat Pas perlu menyatakan rancangan negara Islamnya untuk seluruh negara.